

BERITA HARIAN

DATE: 4 / 10 / 2009

Pelajari budaya berniaga Jepun'

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad, percaya dan yakin budaya kerja tinggi yang diterapkan syarikat pelaburan Jepun di negara ini mampu membantu meningkatkan produktiviti syarikat tempatan selain menerima faedah hasil pemin-dahan teknologi.

Mengambil contoh bagaimana syarikat Aeon Co (M) Bhd - pengendali rangkaian gedung beli-belah Jusco, berkembang maju dalam tempoh 25 tahun, Dr Mahathir menjelaskan banyak dipelajari rakyat Malaysia untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Satu daripada alasan kenapa saya menjemput syarikat Jepun melabur di sini ialah untuk memberi ruang dan peluang rakyat Malaysia belajar bagaimana Jepun berniaga.

"Kira-kira 25 tahun lalu, rakan kongsi di Malaysia tiada stamina atau mampu, tetapi sekarang, kita lihat bagaimana Jusco berkembang pantas," katanya berucap pada Majlis Makan Malam sempena sambutan ulang tahun ke-25 Aeon, di sini, malam tadi.